Vaksin Covid-19 fokus orang dewasa

Kuala Lumpur: Pengagihan vaksin Covid-19 yang dijangka diperoleh pada suku pertama tahun depan tidak akan membabitkan kanak-kanak berusia 12 tahun ke bawah.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, ia kerana pembangunan vaksin itu ketika ini belum lagi diuji ke atas golongan berkenaan dan hanya tertumpu kepada golongan dewasa.

"Untuk makluman, sekarang ini mana-mana vaksin Covid-19 yang dibangunkan, kebanyakan vaksin ini belum lagi diuji kepada kanak-kanak berusia 12 tahun ke bawah.

"Jadi mereka sudah pasti tidak dapat menerima vaksin pertama pada tahun depan dan ia mungkin peratusan yang tidak akan menerima vaksin kerana kita akan beri tumpuan kepada golongan dewasa untuk mencapai tahap imuniti kelompok," katanya.

> *Kita akan memastikan segala maklumat awal dan interim mengenai keselamatan akan kita peroleh bagi memastikan tidak ada sesiapa di Malaysia ini menjadi tikus makmal"*
>
> **Khairy Jamaluddin**

Beliau menjawab celahan Datuk Seri Ahmad Maslan yang meminta penjelasan hanya 70 peratus rakyat Malaysia akan divaksin sebaik sahaja perolehan dibuat pada tahun depan ketika menggulung Rang Undang-Undang Perbekalan 2021 bagi Mosti di Dewan Rakyat semalam.

Menjawab celahan ***Datuk Mohd Azis Jamman (Warisan-Sepanggar)*** mengenai bagaimana kerajaan memastikan penggunaan vaksin Covid-19 tidak merisikokan nyawa seperti yang berlaku di Korea Selatan, Khairy Jamaluddin menegaskan, kerajaan akan memastikan tiada rakyat Malaysia dijadikan tikus makmal.

"Kita tidak akan berkompromi dari segi keselamatan. Walaupun kita harap perolehan vaksin akan diperoleh pada suku pertama tahun depan, kita akan khususkan dahulu kepada petugas barisan hadapan.

"Kita akan memastikan segala maklumat awal dan interim mengenai keselamatan akan kita peroleh bagi memastikan tidak ada sesiapa di Malaysia ini menjadi tikus makmal. Kita akan lihat apa sahaja data klinikal disediakan syarikat (pengeluar vaksin) terlebih dahulu," katanya.

Berkaitan cadangan supaya peruntukkan disediakan bagi penghasilan vaksin di peringkat tempatan, Khairy berkata, buat masa ini Malaysia tidak memiliki kemudahan lengkap untuk menghasilkan vaksin bagi kegunaan kesihatan manusia.

Beliau berkata, satu tindakan proaktif menerusi Mesyuarat Majlis Sains Negara, baru-baru ini bersetuju supaya *Roadmap* Pembangunan Vaksin Negara dibangunkan dengan objektif menjadikan Malaysia sebagai negara pengeluar vaksin manusia dalam tempoh 10 tahun.

"*Roadmap* ini dijangka siap pada suku kedua 2021. Selain itu, Mosti juga menawarkan skim dana baharu iaitu Dana Memerangi Covid-19 Mosti bagi menggalakkan projek kajian dan penyelidikan dalam memerangi dan mengawal pandemik ini.

"Mosti turut meluluskan projek menerusi tabung ini yang berjumlah RM2.1 juta kepada Universiti Malaya (UM) bagi pembangunan vaksin Covid-19," katanya.

Scanned with CamScanner